

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH**  
**FADZIR [KULIM BANDAR BAHRU]**

**DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR[ KULIM BANDAR BAHRU ]**minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGUNAAN** menyatakan sejauh manakah tindakan Kementerian dalam menangani masalah penyelewengan diesel bersubsidi yang sekian lama menjadi masalah yang belum dapat diselesaikan secara komprehensif oleh Kementerian.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) sedar bahawa aktiviti penyelewengan diesel bersubsidi ini amat sukar untuk dihapuskan secara menyeluruh selagi wujudnya jurang harga yang sangat besar antara pasaran domestik dan antarabangsa. Keadaan ini berlaku kerana harga minyak diesel di Negara ini diberi subsidi yang

tinggi oleh kerajaan supaya rakyat dapat menikmati harga yang lebih murah.

Pelbagai langkah telah diambil untuk menghalang penyelewengan diesel bersubsidi daripada berlaku. Diantaranya adalah seperti berikut :

- i. Menghadkan waktu operasi stesen minyak di kawasan sempadan sehingga jam 10.00 malam dan penjualan diesel kepada kenderaan asing tidak melebihi 20 liter sahaja.
- ii. Mengawal dan menetapkan kuota asas jualan minyak diesel di stesen-stesen minyak.
- iii. Mewartakan minyak diesel sebagai barang Larangan Eksport dibawah Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (Larangan Eksport) 2011 yang berkuatkuasa mulai tahun 2011; dan
- iv. Mengambil tindakan undang-undang ke atas penjenayah yang menyeleweng diesel bersubsidi di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961, menggerakkan operasi secara bersepadu dibawah Ops Titik serta memberi bantuan dan kerjasama penuh kepada seluruh

agensi penguatkuasaan yang lain termasuk kepada operasi yang digerakkan dibawah Pasukan Petugas Khas Jabatan Peguam Negara.

Kejayaan hasil tindakan penguatkuasaan dan operasi yang telah dijalankan bagi diesel sahaja adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Bil. Kes</b>	<b>Nilai Rampasan</b>
2011	724 kes	RM13.66 juta
2012	735 kes	RM26.06 juta
2013	851 kes	RM25.21 juta
2014	153 kes	RM 2.02 juta
(Jan– Mei)		

Selain itu, akaun sindiket yang terlibat dalam kegiatan penyelewengan bahan petroleum bersubsidi ini berjumlah RM50.86 juta dan wang tunai berjumlah RM949,929 juga telah disita.

Sehingga 31 Mei 2014, hasil pelbagai tindakan yang telah dilaksanakan, telah mula melihat impak yang positif iaitu kejadian *stock-out* minyak diesel yang sebelum ini kerap berlaku terutamanya pada akhir setiap bulan, kini sudah berkurangan. Ini juga menunjukkan kegiatan penyelewengan minyak diesel bersubsidi sudah mula berkurangan. Kementerian sangat berharap agar tindakan yang berterusan ini akan dapat

mengurangkan jumlah kuantiti bahanapi petrol, diesel dan gas petroleum cecair yang diberi subsidi ini akan berkurangan pada penghujung tahun 2014 nanti.

Bagi memastikan penyelewengan ini dapat diatasi secara komprehensif, Kementerian juga sedang berusaha untuk menambahbaik peruntukan undang-undang sedia ada bagi menyesuaikannya dengan keperluan semasa dan memperuntukkan penalti yang lebih berat, memperkenalkan semula kaedah penandaan diesel bersubsidi serta menimbang langkah-langkah lain yang lebih efektif termasuklah memperkenalkan sistem pengagihan subsidi yang bersasar.